# ADAKAH SAYA SUDAH MULA MENGALAMI MENOPAUS?

Anda boleh mengetahui sama ada anda sudah mula mengalami menopaus atau anda akan mengalaminya tidak lama lagi.

**SKALA PENENTUAN MENOPAUS (MRS)** – Keluhan manakah yang berikut ini sering anda luahkan sekarang? Sila tandai tahap keamatan setiap keluhan. Jika sesuatu bahagian tiada kaitan dengan anda, sila pilih <<tiada>>.

| | | TIADA | SEDIKIT | SEDERHANA | TERUK | AMAT TERUK |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **Serangan rasa panas, berpeluh** (rasa panas yang berlebihan, berpeluh yang berlebihan) | ○ | ○ | ○ | ○ | ○ |
| 2 | **Simptom jantung** (berdebar-debar, denyutan jantung yang laju, denyutan jantung yang tidak keruan, rasa perit pada dada) | ○ | ○ | ○ | ○ | ○ |
| 3 | **Gangguan tidur** (sukar lena, masalah tidur nyenyak, bangun terlalu awal) | ○ | ○ | ○ | ○ | ○ |
| 4 | **Kemurungan** (kehampaan, kesedihan, sering menangis, tiada motivasi, angin yang tidak menentu) | ○ | ○ | ○ | ○ | ○ |
| 5 | **Mudah tersinggung** (gemuruh, ketegangan dalaman, agresif) | ○ | ○ | ○ | ○ | ○ |
| 6 | **Kerisauan** (kekacauan dalaman, panik) | ○ | ○ | ○ | ○ | ○ |
| 7 | **Keletihan fizikal dan mental** (prestasi diri yang merosot secara am, kurang mengingat, gangguan pada penumpuan, sering lupa) | ○ | ○ | ○ | ○ | ○ |
| 8 | **Masalah seksual** (perubahan pada nafsu seksual, aktiviti seksual dan kepuasan) | ○ | ○ | ○ | ○ | ○ |
| 9 | **Masalah buang air kecil** (masalah semasa membuang air kecil, lebih kerap ke tandas, kencing tak lawas) | ○ | ○ | ○ | ○ | ○ |
| 10 | **Masalah faraj kering** (rasa kering atau perit dalam faraj, masalah semasa mengadakan hubungan kelamin) | ○ | ○ | ○ | ○ | ○ |
| 11 | **Simptom sendi dan otot** (sakit pada sendi, simptom reumatoid) | ○ | ○ | ○ | ○ | ○ |
| 12 | **Keguguran rambut yang ketara** (masalah rambut yang menipis) | ○ | ○ | ○ | ○ | ○ |
| 13 | **Penampilan kulit berikutan perubahan umur** (kurang kelembapan, wajah kurang berseri, kedutan) | ○ | ○ | ○ | ○ | ○ |

BINCANGKAN KEPUTUSANNYA DENGAN DOKTOR ANDA.

# MENAPUL™

## 1 TABLET

### HANYA 1x SEHARI




## BEBAS HORMON

**Beri peluang pada MENAPUL™ kemujarabannya mungkin mengambil sedikit masa.**



MENAPUL™ sewajarnya diambil untuk sekurang-kurangnya dua bulan bagi membolehkan kesan kemujarabannya dirasai.

**PETUA:** Pastikan anda meminum air yang secukupnya untuk memanfaatkan kesan sebenar asid hialuronik bermutu tinggi dalam MENAPUL™.



**MENAPUL™ bebas komponen haiwan dan laktosa.**

facebook.com/menapul

@menapul_official

menapul.com

19-20-INT.08/20

LENUSPHARMA innovative medicine

Firstline Pharmaceuticals Sdn Bhd
3, Jalan 19/1, 46300 Petaling Jaya
www.firstline.com.my

# MENAPUL™

KELEGAAN DARIPADA SIMPTOM MENOPAUS

**UNIK**

## 2 DALAM SATU

### PELEGA MENOPAUS

- KURANG KELUHAN
- KULIT LEBIH ANJAL




## BEBAS HORMON

MF11RCE® 80 MG
KLOVER MERAH-ISOFLAVON
ASID HIALURONIK 112 MG

A product of LENUSPHARMA innovative medicine

**97%*** ★★★★★ PESAKIT KETARA KURANG MENYATAKAN KELUHAN SELEPAS REGIMEN PENGGUNAAN SELAMA 2 BULAN

*Kajian kes Austria, maklum balas menerusi soal selidik MRS (n=68)

# MENOPAUS

Perubahan hormon yang disebabkan oleh menopaus boleh menjejaskan kualiti kehidupan wanita.

Menopaus bermula apabila berlaku pengurangan pada penghasilan hormon dalam ovari (dari segi perubatan: klimakterium). Setiap wanita mengalami permulaan menopaus yang berbeza-beza.

Haid akan mula berubah dan akhirnya terus berhenti:

- Pendarahan lebih banyak atau kurang daripada biasa
- Tempoh pendarahan lebih lama atau lebih singkat
- Tompokan darah
- Kitaran haid lebih pendek atau lebih lama

## MENOPAUS – 3 Fasa:




## KELUHAN BERKENAAN MENOPAUS:



# MENAPUL™ – KESAN DUA-PENJURU

## 1. KELEGAAN UNTUK SIMPTOM MENOPAUS BEBAS HORMON

Klover merah MF11RCE® : Mengandungi empat isoflavon paling penting yang sangat berkualiti demi keselamatan anda



MENAPUL™ ialah produk bebas hormon, berasaskan ekstrak klover merah yang berkualiti tinggi dan dihasilkan khusus untuk membantu anda dari seawal munculnya tanda pertama menopaus.

### Isoflavon Klover Merah MF11RCE® selamat digunakan untuk jangka masa panjang:

- Keselamatan, keberkesanan dan tahap toleransi MF11RCE® telah diuji secara meluas dan disahkan.
- MF11RCE® ialah herba tulen dan boleh diterima dengan baik oleh badan.
- Pihak Berkuasa Keselamatan Makanan Eropah (The European Food Safety Authority, EFSA) mengesahkan bahawa isoflavon selamat diambil untuk jangka masa yang panjang.
- Persatuan Menopaus Austria mengesyorkan isoflavon untuk mengatasi keluhan yang berkaitan dengan menopaus.

**6 KAJIAN** yang dijalankan telah membuktikan keberkesanan ISOFLAVON[1-6] MF11RCE®

MF11RCE® merupakan ekstrak istimewa daripada tumbuhan klover merah berkualiti tinggi dengan nisbah empat isoflavon penting, diperincikan dengan tepat serta terkawal yang berikut:

- Formononetin
- Biochanin A
- Genistein
- Daidzein

Hanya klover merah daripada Kesatuan Eropah, yang ditanam menurut kaedah Amalan Pertanian Baik (APB), digunakan untuk pengeluaran MF11RCE®. Proses yang dikawal ketat semasa pengeluaran dilaksanakan bagi memastikan kandungan dan ketulenan isoflavonnya adalah optimum.

Data klinikal daripada kumpulan penyelidikan di Institut Landstein mengesahkan keberkesanan MF11RCE® dos 80 mg.

**97%** ★★★★★ PESAKIT KURANG MENYATAKAN KELUHAN SELEPAS REGIMEN PENGGUNAAN SELAMA 2 BULAN




## 2. PEREMAJAAN KULIT DENGAN ASID HIALURONIK

Asid hialuronik molekul ringan untuk penyerapan pantas dan sentiasa berada pada tahap optimum dalam badan

### BADAN KITA MEMERLUKAN ASID HIALURONIK UNTUK




Sejak lahir, setiap manusia mempunyai tahap asid hialuronik tertentu, yang mampu mengikat sejumlah besar air untuk memastikan agar kulit sentiasa anjal dan tegang.

**Kandungan asid hialuronik semula jadi badan berkurangan secara berterusan seiring dengan peningkatan usia.**

Pengurangan yang sangat ketara dilihat apabila menopaus: Paras asid hialuronik wanita berusia 50 tahun hanyalah kira-kira 45% daripada nilai asal.




Asid hialuronik banyak ditemukan dalam industri kosmetik sebagai bahan yang terdapat dalam krim. Walau bagaimanapun, krim kosmetik ini untuk sapuan pada bahagian luaran sahaja, maka hanya lapisan luaran kulit yang ditembusi.




Apabila diambil secara selamat dalam bentuk yang boleh dimakan, asid hialuronik mampu sampai ke semua lapisan kulit melalui aliran darah dan kesannya terserlah dari dalam.

Asid hialuronik istimewa dalam MENAPUL™ dengan ciri molekulnya ringan, dapat diserap dengan lebih pantas melalui saluran gastrousus berbanding cara penyediaan oral tradisional.

**Pengambilan MENAPUL™ yang teratur memberikan kelembapan tambahan yang tahan lama untuk kulit dan membran mukus, seterusnya dapat mengatasi proses penuaan secara semula jadi.**

**Fakta penting:** Asid Hialuronik dalam MENAPUL™ adalah bebas daripada komponen haiwan dan laktosa.

